

NO. SOALAN : 32

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DATO' SRI HASAN BIN MALEK  
[ KUALA PILAH ]**

**TARIKH : 25 OKTOBER 2017**

**SOALAN :**

**YB. Dato' Sri Hasan Bin Malek [ Kuala Pilah ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah terdapat beberapa program galakan atau insentif khusus kepada setiap kawasan Parlimen di negara ini oleh Kementerian dalam merencanakan industri pelancongan di setiap pelosok negara / kawasan Parlimen dan tidak hanya tertumpu di beberapa negeri sahaja. Ini dilihat akan dapat meletakkan Malaysia sebagai *land of total tourism product*.

67

**JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ,  
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program galakan atau insentif yang ditawarkan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan tidak hanya tertumpu kepada beberapa negeri sahaja tetapi lebih menjurus kepada inisiatif usahawan-usahawan dari setiap negeri untuk membangun, mengembangkan serta mereka produk pelancongan baru yang boleh menarik pelancong luar ke negeri masing-masing. Sehubungan itu, Kementerian menawarkan beberapa insentif seperti program galakan cukai serta kemudahan pembiayaan dana pelancongan berbentuk pinjaman kepada semua pengusaha pelancongan di semua negeri yang berkeelayakan.

**i. Sokongan Galakan Cukai Bagi Syarikat Pengendalian Pelancongan Dan Perniagaan Agensi Pengembaraan**

Insentif melalui potongan cukai ini disediakan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bagi pengusaha syarikat pelancongan di Malaysia yang mengendalikan Pakej Pelancong Asing yang sekurang-kurangnya berjumlah 750 orang dan Pakej Pelancong Domestik yang sekurang-kurangnya berjumlah 1,500 orang. Bagi kedua-dua insentif ini, surat sokongan daripada Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan hanya akan dikemukakan kepada syarikat dan disalinkan kepada LHDN setelah Kementerian berpuas hati dengan pengesahan yang diberikan oleh Juru Audit Awam yang bertauliah.

ii. **Tabung Pembangunan Infrastruktur Pelancongan (TPIP)**

Kementerian juga turut memberikan insentif dalam bentuk pinjaman (*softloan*) kepada para pengusaha pelancongan. Kemudahan pembiayaan pinjaman tersebut ialah melalui Tabung Pembangunan Infrastruktur Pelancongan (TPIP) dan Tabung Khas Pelancongan (TKP) yang terbuka kepada warganegara Malaysia yang berkelayakan.

TPIP yang diuruskan oleh Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) menawarkan jumlah pinjaman dari RM5 juta sehingga RM100 juta dengan kadar faedah 4% - 6% setahun manakala TKP dengan kerjasama SME Bank pula dikhususkan kepada pengusaha pelancongan bertaraf kecil dan sederhana dengan jumlah pinjaman yang ditawarkan adalah di antara RM250 ribu sehingga RM30 juta. Kadar faedah bagi pinjaman ini adalah rendah berbanding dengan bank-bank komersial yang lain iaitu sebanyak BFR + 0% - BFR + 2.5% setahun.

Tujuan kedua-dua dana ini adalah untuk membantu pengusaha berkelayakan yang ingin membangunkan atau meningkatkan mutu produk-produk pelancongan termasuk premis penginapan seperti hotel, *resort*, chalet dan membiayai pembangunan projek-projek seperti taman tema, galeri dan muzium yang boleh menjana pendapatan daripada sektor pelancongan.

69

### iii. Pendaftaran Projek Pelancongan

Kementerian ini juga menggalakkan perkembangan projek Pelancongan di Malaysia melalui galakan cukai oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA). Jenis projek yang boleh dipertimbangkan adalah terbahagi kepada dua (2) iaitu Projek Penginapan dan Projek Bukan Penginapan. Pemohonan SPPP ini dibuka kepada syarikat pengusaha pelancongan yang diperbadankan di Malaysia dengan pembinaan fizikal projek pelancongan tersebut mestilah siap sekurang-kurangnya 75% daripada keseluruhan pembinaan projek sebelum didaftarkan sebagai projek pelancongan. Bagi projek-projek yang masih belum mencapai tahap 75%, pihak Kementerian akan memberikan surat interim kepada projek yang layak. Dengan surat interim tersebut, syarikat dapat menikmati pengecualian duti impot bagi sebahagian barangan pembinaan yang diluluskan oleh MIDA. Syarikat-syarikat yang berjaya memperoleh SPPP atau/dan surat interim hendaklah memanjangkan permohonan berserta dokumen tersebut kepada MIDA bagi tujuan insentif pengecualian cukai samada dalam bentuk elaun cukai pelaburan atau taraf perintis.

Sekian, terima kasih.